

25 FEB 1999

Muhyiddin-Sukan Asia

MALAYSIA BERHASRAT PERTANDINGKAN 33 ACARA

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) --Malaysia berhasrat mempertandingkan 33 acara pada Sukan Asia 2006 jika usaha negara untuk menjadi tuan rumah sukan itu berhasil.

Bagaimanapun keputusan untuk mempertandingkan 33 acara masih belum muktamad kerana ia akan dikaji semula sebelum penawaran rasmi dibuat tahun depan.

"Acara-acara sukan yang dikenal pasti untuk dipertandingkan telah dipersetujui oleh jawatankuasa penawaran, tetapi akan dikaji secara lebih mendalam sebelum tawaran rasmi kelak," kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa penawaran Sukan Asia 2006, di pejabatnya di sini petang ini.

Menurut Muhyiddin, acara-acara sukan yang ditawarkan itu nanti hendaklah mempunyai hubung kait dengan strategi penawaran, bagi mengukuhkan usaha Malaysia mendapatkan hak sebagai tuan rumah.

Kita akan pastikan acara yang ditawarkan itu menarik minat semua negara peserta, di samping memberi kelebihan kepada kontinjen negara untuk meraih pingat...inilah antara beberapa perkara yang perlu dilihat secara serius, katanya.

Mesyuarat selama empat jam itu juga telah mengenal pasti beberapa strategi bagi membantu memudahkan usaha-usaha awal penawaran itu, yang antara lainnya mengadakan pertemuan dengan duta negara-negara peserta di Kuala Lumpur.

"Jawatankuasa penawaran itu juga akan menghantar wakil untuk berjumpa pihak-pihak yang tertentu bagi mendapat sokongan, terutamanya negara-negara gabungan Majlis Olimpik Asia (OCA)," kata Muhyiddin.

Kita juga merancang untuk membawa pegawai-pegawai OCA dan negara-negara peserta untuk meninjau dan melihat sendiri infrastruktur serta kemudahan sukan yang ada di sekitar Lembah Klang.

Menurut Muhyiddin, usaha melobi ini juga bukan sahaja melibatkan jawatankuasa penawaran tetapi juga melibatkan banyak pihak termasuk agensi pelancongan dan juga badan-badan sukan yang mempunyai hubungan baik dengan negara anggota OCA.

Ditanya mengenai maskot temasya sukan itu, Muhyiddin menjelaskan bahawa ianya akan diumumkan selepas mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Maskot yang dicadangkan itu mempunyai ciri-ciri Malaysia, tetapi hendaklah dipersetujui oleh Perdana Menteri terlebih dahulu, termasuk lagu temanya," kata Muhyiddin.

Jumlah perbelanjaan kerja-kerja penawaran itu juga masih belum diputuskan, tetapi ia tidak akan membebankan.

Muhyiddin juga sekali menegaskan bahawa usaha-usaha penawaran itu tidak akan membelakangkan peraturan yang telah ditetapkan oleh OCA, bagi mengelakkan buruk sangka pihak lain.

Antara negara yang akan menjadi pencabar kepada usaha Malaysia untuk menjadi tuan rumah sukan itu ialah Qatar, Syria, India dan Indonesia.

--BERNAMA

AHA RI